

# Kesan Geopolitik Institusi Multilateral dan Pelaburan Langsung Asing Malaysia ke Luar Negara

*(Institutional Multilateral Geopolitical Impact and Malaysia's Direct Investment Abroad)*

**Mohd Fairuz Md. Salleh**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Wan Sallha Yusoff**  
Universiti Malaysia Perlis

## ABSTRACT

*This study analyse the effect of institutional multilateral geopolitical impact on Malaysia's direct investment abroad (DIA). This study used time series data started from 1998 to 2015. The focus of multilateral institution is subjected to G7, BRICS and ASEAN association only. This study used meta-geographical impact of institutional multilateral geopolitics which consist of military power and soft power. DIA is proxy by outwards FDI. Statistical analysis are based on descriptive analysis, principle component analysis and regression analysis 'least square & ARMA'. Based on the results, institutional multilateral geopolitical impact have a significant effect on Malaysia's direct investment abroad (DIA). Specifically, the soft power of BRICS and G7 negatively influence the level of DIA in Malaysia. Therefore, to deversify abroad, this study suggested that Malaysia's MNC have to consider the risk and opportunities of institutional geopolitical's soft power while making their strategic decision.*

*Keywords: geopolitics; outward FDI; G7; BRICS; ASEAN*

## ABSTRAK

*Kajian ini menganalisis kesan geopolitik institusi multilateral ke atas pelaburan langsung asing Malaysia ke luar negara (DIA). Data kajian berbentuk siri selari bermula pada tahun 1998 sehingga 2015. Institusi multilateral difokuskan kepada institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN sahaja. Metodologi kajian adalah berdasarkan kepada analisis kesan geopolitik secara meta-geografi iaitu dengan mengambil kira pengaruh geopolitik negara-negara keanggotaan G7, BRICS dan ASEAN secara pemilikan kuasa ketenteraan dan kuasa lembut. Aliran keluar pelaburan langsung asing digunakan sebagai pengukuran DIA. Analisis statistik kajian adalah berpandukan prosedur analisis deskripsi, 'principle component analysis' dan analisis regresi 'least square & ARMA'. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan secara langsung antara kesan geopolitik institusi multilateral G7 dan BRICS ke atas kadar DIA di Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya kuasa lembut BRICS dan G7 berhubung secara negatif dengan kadar DIA di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, kajian ini mencadangkan bahawa dalam usaha menembusi pasaran global firma MNC di Malaysia perlu mengambil kira peluang dan risiko kuasa lembut yang dimiliki oleh institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN bagi meningkatkan kadar DIA negara.*

*Kata kunci: geopolitik; aliran keluar FDI; G7; BRICS; ASEAN*


## PENGENALAN

Pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) merupakan salah satu sumber penting dalam pertumbuhan ekonomi negara (Mun, Long, Lin & Man 2008). Walau bagaimanapun, setelah diperkenalkan Akta Insentif Pelaburan 1968, perkembangan ekonomi Malaysia mula beralih daripada penekanan terhadap industri penggantian import kepada industri berorientasikan eksport (Seman, Hussin & Iqbal 2014). Penubuhan firma-firma multinasional di Malaysia pada ketika itu seperti Motorola, Texas Instruments, Mitsubishi dan Matsushita telah meningkatkan kadar pelaburan langsung asing Malaysia ke luar negara (direct investment abroad, DIA) (Ramasamy 1999).

Kelebihan sumber di Malaysia seperti kos buruh yang rendah dan konsesi fiskal yang diberikan kepada firma multinasional yang diperbadankan di Malaysia telah berjaya mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat dagangan antarabangsa (Seman et al., 2014). Pada tahun 1980, DIA di Malaysia telah berada di kedudukan kedua selepas Singapura dalam senarai Asia Tenggara (UNCTAD, 2014). Trend ini berlanjutan sehingga tahun 2016. Malah, jika dirujuk kepada Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016, pertumbuhan DIA di Malaysia dicatatkan mengatasi FDI negara (Shuhaimen & Han 2016).

Namun begitu, jika diteliti kepada pangkalan data UNCTAD, prestasi DIA bagi negara-negara membangun seperti Malaysia adalah tidak stabil berbanding DIA global (UNCTAD, 2014). Kadar DIA meningkat sebanyak





RAJAH 1. Aliran DIA di Malaysia 2008-2015

Sumber: Sorotan dan Perangkaan Bulanan Jun 2017, Bank Negara Malaysia

14.6% pada tahun 1995 kepada 33.8% pada tahun 2014 dan menurun kepada 25.6% pada tahun 2015 (Gnangnon 2017). Trend yang sama juga dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia (Rajah 1) bagi pertumbuhan DIA di Malaysia (Bank Negara Malaysia 2017). Trend penurunan ini perlu dikaji semula secara empirikal bagi menggalakkan pertumbuhan mapan ekonomi negara (Saad, Noor & Nor 2014).

Setakat ini, kajian terhadap DIA di negara-negara membangun seperti Malaysia adalah sangat kurang dan perlu diperjelaskan lagi (Yean, Khoo, Nyen & Fadhli 2017). Merujuk kepada sorotan kajian lepas, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada faktor-faktor domestik seperti tukaran dagangan (Yean et al. 2017), pemilikan dan pengurusan syarikat (Safran & Jamali, 2015) dan faktor penolakan ekonomi dalam negara (Saad et al. 2014) sebagai faktor pendorong kepada perubahan kadar DIA di Malaysia. Sebaliknya, dalam era globalisasi, penekanan terhadap faktor-faktor global seperti kesan geopolitik antarabangsa terhadap kadar DIA di Malaysia juga perlu diperjelaskan lagi kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang bergerak aktif dalam membangunkan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC), 2025 (Yan 2013). Sebarang keputusan geopolitik antarabangsa sedikit sebanyak akan mendorong firma-firma multinasional dalam membuat keputusan korporat (Yusoff, Salleh, Ahmad & Basnan 2016) dan ini akhirnya akan memberi kesan terhadap perubahan kadar DIA sesebuah negara.

Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Gnangnon (2017), terdapat dua kebimbangan yang diperdebatkan bagi mengatasi masalah penurunan DIA di negara-negara membangun. Pertama adalah berkaitan dengan bagaimana untuk memulihkan perdagangan multilateral dan kedua bagaimana untuk menangani (atau mengurangkan) kelemahan struktur ekonomi makro yang dihadapi oleh negara-negara membangun. Kedua-dua faktor ini telah lama diketengahkan oleh beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, United

Kingdom dan Jepun sehingga terbentuknya institusi multilateral Gugusan 8 (G8) dan kemudiannya ditukar kepada G7 setelah Rusia mengisytiharkan keluar daripada negara anggota. Salah satu tujuan utama penubuhan G7 adalah untuk meningkatkan perkongsian kuasa sumber negara-negara anggota seperti kuasa buruh, teknologi, ketenteraan dan hubungan politik (Salehi, Ranjbari, Dehghan & Fard 2014). Perkongsian kuasa sumber negara-negara anggota mampu untuk meningkatkan kuasa dagangan dan mengatasi masalah kelemahan ekonomi mikro sesebuah negara.

Selain G7, kesatuan BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan) juga telah bergabung untuk membentuk kuasa kedua ekonomi dunia. Tidak ketinggalan, Malaysia di bawah kesatuan ASEAN telah merancang beberapa dasar untuk meningkatkan perdagangan multilateral melalui beberapa perjanjian seperti perjanjian Zon Keamanan, Kebebasan, dan berkecualian (ZOPFAN), Kawasan Perdagangan Bebas (AFTA) dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Hasil daripada kerjasama multilateral negara-negara keanggotaan ASEAN ini, firma awam di Malaysia kini mampu menerajui beberapa sektor utama industri ASEAN seperti perladangan, minyak dan gas (Yan 2013). Kemampuan ini secara tidak langsung dapat mempertingkatkan lagi kadar DIA di Malaysia.

Walau bagaimanapun, perkongsian sumber institusi multilateral ini adalah sukar untuk dikekalkan. Konflik kepentingan kuasa antara negara-negara anggota mampu untuk mengubah dasar dan polisi sesebuah institusi. Sebagai contoh, kejadian Brexit; iaitu pengumuman referendum keluarnya United Kingdom daripada kesatuan Eropah pada 23 Jun 2016 telah mengejutkan dunia perniagaan antarabangsa (Woodford 2016). Perubahan kuasa geopolitik Kesatuan Eropah telah menyaksikan perubahan yang lebih ketara ke atas prestasi perniagaan MNC seluruh dunia, tidak terkecuali firma MNC di Malaysia yang meletakkan segmentasi mereka di negara-negara Kesatuan Eropah. Tarikan DIA

juga terjejas akibat daripada penyusunan semula firma-firma MNC bagi mengatasi masalah penurunan mata wang Pound British (GBP), ketidakpastian perjanjian dan peraturan perdagangan United Kingdom - Eropah, perubahan pasaran buruh dan ketidakpastian pertumbuhan pendapatan Eropah di masa hadapan (Frontier Strategy Group 2016). Menyedari hakikat ini, para penyelidik ekonomi dan kewangan mula memikirkan bahawa selain daripada krisis kewangan, ketidakpastian geopolitik institusi multilateral juga merupakan komponen baru yang perlu diberi penekanan dalam setiap perancangan strategik korporat (Fels 2016) dan ekonomi negara (Cohen 2003). Merujuk kepada fenomena geopolitik antarabangsa, kajian ini mengemukakan dua persoalan kajian seperti berikut: Adakah kesan geopolitik institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN mempengaruhi kadar DIA di Malaysia? Komponen geopolitik manakah yang memberi kesan utama kepada kadar DIA di Malaysia? Adakah ia dipengaruhi secara positif atau negatif?

Berdasarkan kepada tinjauan kajian lepas, kajian ini merupakan kajian pertama yang mengkaji hubungan kesan geopolitik institusi multilateral dan kadar DIA di negara-negara membangun seperti Malaysia. Tumpuan kajian memfokuskan kepada hubungan pengaruh kuasa ketenteraan dan kuasa lembut yang dimiliki oleh institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN ke atas aliran DIA di Malaysia. Lebih terperinci, sumbangan kajian ini terbahagi kepada dua. Secara teori, kajian ini menghubungkan faktor-faktor global seperti kesan geopolitik antarabangsa dengan kadar DIA di Malaysia. Dari sudut praktis, kajian ini mengemukakan cadangan kepada firma MNC, MIDA dan sekretariat ASEAN dalam meningkatkan pertumbuhan DIA di Malaysia. Penerangan terperinci mengenai literasi, metodologi, keputusan dan kesimpulan kajian telah diterangkan dalam subseksyen seterusnya.

## LATAR BELAKANG DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS

### ALIRAN KELUAR PELABURAN LANGSUNG ASING NEGARA (DIA)

DIA merupakan salah satu faktor penting dalam meningkatkan pertumbuhan dagangan antarabangsa. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat banyak kajian yang memberi fokus terhadap kadar pertumbuhan DIA di seluruh dunia. Merujuk kepada disiplin ilmu ekonomi antarabangsa, kebanyakan kajian memberi fokus terhadap ciri-ciri spesifik ekonomi sesebuah negara, seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP), FDI, keberkesanan kadar tukaran sebenar, modal insan, teknologi, dasar keterbukaan ekonomi dan keberadaan sumber asli sebagai faktor pendorong kepada peningkatan kadar DIA negara (Kyrkilis & Pantelidis 2003; Saad et al. 2014; Tolentino 2010). Saad et al. (2014) mendapati bahawa aliran masuk FDI merupakan pelengkap kepada pasaran domestik untuk

meningkatkan kemampuan eksport ke luar negara. Walau bagaimanapun, kekurangan sumber yang dihadapi oleh negara-negara membangun; seperti kemahiran, teknologi dan informasi menjejaskan kadar pertumbuhan DIA yang kompetitif.

Seperti ahli ekonomi, penyelidik perniagaan antarabangsa juga mengukur faktor-faktor pendorong kepada DIA negara. Walau bagaimanapun tumpuan yang diberikan adalah lebih kepada spesifikasi firma seperti masalah pengurusan dan strategi lokasi firma MNC. Secara terperinci, kos transaksi, ketidakcekapan informasi dan kesibukan pengarah telah meningkatkan liabiliti operasi antarabangsa (LOF) firma MNC berbanding firma domestik (Nielsen, Asmussen & Weatherall 2017; Safran & Jamali 2015). Peningkatan LOF akan menyekat pertumbuhan DIA negara.

Selain daripada ciri-ciri spesifik negara dan firma, perkaitan hubungan dagangan multilateral dan aliran DIA juga mula diperdebatkan dalam kajian-kajian terkini ekonomi dan perniagaan (Collie 2011; Gnanon 2017; UNCTAD 2016). Menurut Collie (2011), hubungan dagangan multilateral dapat meningkatkan bilangan dagangan antarabangsa dan jumlah FDI. Bagi negara-negara membangun seperti Malaysia, hubungan dagangan multilateral memberi kesan positif yang lebih ketara berbanding negara maju dalam usaha untuk meningkatkan aliran DIA. Walau bagaimanapun, struktur ekonomi yang tidak kukuh akan melemahkan hubungan antara dagangan multilateral dan aliran DIA (Gnanon 2017). Oleh itu, kajian ini menjangkakan bahawa kesan geopolitik institusi multilateral yang mementingkan perkongsian sumber dan kuasa antara negara-negara anggota akan memudahkan sistem dagangan multilateral dan seterusnya meningkatkan kadar DIA negara.

### KESAN GEOPOLITIK INSTITUSI MULTILATERAL DAN KADAR DIA NEGARA

Merujuk kepada kesan geopolitik institusi multilateral di Malaysia, pembentukan ASEAN merupakan satu platform utama kepada kerajaan Malaysia untuk memperkukuhkan hubungan dagangan multilateral terutamanya di kalangan serantau Asia Tenggara (Saravanamuttu 2012). Kejayaan pembentukan ZOPFAN dan AFTA membuktikan kemampuan ASEAN untuk bebas daripada campur tangan kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Rusia dan Republik Rakyat China, selain mampu meningkatkan daya saing ekonomi negara melalui penghapusan halangan tarif dan bukan tarif di kalangan negara-negara ASEAN (Ahmad 2013). Namun begitu, rentetan daripada konflik perebutan kuasa geopolitik antarabangsa di antara China dan Amerika Syarikat terhadap negara-negara Asia Tenggara akhirnya membawa kepada krisis kewangan Asia pada tahun 1997. Krisis kewangan ini telah melemahkan perniagaan antarabangsa di negara-negara Asia Timur termasuklah firma-firma MNC tempatan di Malaysia (Bank Negara Malaysia 2014).

Daripada kejadian krisis kewangan Asia ini, apa yang boleh dikatakan adalah walaupun pembentukan institusi multilateral ASEAN menyediakan banyak faedah kepada firma-firma MNC tempatan tetapi faedah-faedah tersebut tidak menjamin kestabilan perdagangan firma yang mapan. Menurut Eichengreen (1989), kesepakatan dan kestabilan geopolitik institusi multilateral bukanlah mudah untuk dikekalkan kerana setiap negara anggota mempunyai konflik kepentingan autonomi tersendiri. Kini, dengan kemunculan institusi multilateral BRICS sebagai kuasa kedua ekonomi dunia dan pembentukan komuniti ekonomi ASEAN bermula 2015, sistem dagangan multilateral dilihat semakin kompleks dan komprehensif. Persaingan geopolitik institusi multilateral di antara kuasa besar dunia seperti G7, BRICS dan ASEAN dijangka mampu mempengaruhi sistem dagangan antarabangsa dan akhirnya akan memberi kesan terhadap kadar DIA negara.

Kajian ini mengetengahkan teori kebergantungan kompleks (Complex Interdependence Theory, CIT) yang dibangunkan oleh Keohane dan Nye sebagai teori asas kepada pembangunan hipotesis kajian. Menurut Nye dan Keohane (2000), dalam dunia globalisasi, jaringan tidak formal antara institusi sesebuah negara adalah lebih penting bagi mencapai kuasa ekonomi berbanding ikatan hierarki yang ditentukan oleh paksaan ketenteraan, kewangan dan kuasa keseimbangan. Dengan kata lain, pembentukan institusi multilateral antara beberapa buah negara adalah lebih penting untuk meningkatkan kuasa ekonomi sesebuah negara kerana setiap negara saling bergantung antara satu sama lain, cuba mengurangkan konflik kepentingan individu dan berkongsi sumber bersama bagi tujuan mencapai objektif politik, ekonomi dan sosial yang sama. Perkongsian tersebut dapat meningkatkan peluang pelaburan, mengurangkan kos transaksi dan mengukuhkan DIA negara (Eichengreen 1989).

Walau bagaimanapun, persetujuan bersama adalah sukar untuk dipertahankan kerana masing-masing negara mempunyai ideologi dan kepentingan politik tersendiri (Cohen 2008). Oleh itu, sebarang keputusan yang dibuat oleh institusi multilateral tersebut akan mempengaruhi risiko pelaburan firma atau negara. Berdasarkan kepada pendekatan teori ini, kajian ini mengutarakan tiga hipotesis seperti berikut:

- $H_1$  kesan geopolitik institusi multilateral mempengaruhi secara signifikan ke atas aliran DIA di Malaysia.
- $H_{1a}$  kesan geopolitik institusi multilateral mempengaruhi aliran DIA di Malaysia secara positif.
- $H_{1b}$  kesan geopolitik institusi multilateral mempengaruhi aliran DIA di Malaysia secara negatif.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan analisis regresi berganda untuk mengukur

hubungan antara kesan geopolitik institusi multilateral dan kadar DIA di Malaysia. Data adalah berbentuk siri selari bermula 1998 sehingga 2015. Tahun tersebut dipilih adalah berdasarkan kepada keberadaan data dan data bebas daripada kesan krisis kewangan. Maklumat DIA diperoleh dari pangkalan data UNCTAD dan maklumat geopolitik diperoleh dari pangkalan data bank dunia (World Development Indicators (WDI)) dan BP Statistical Review. Dalam mengukur kesan geopolitik institusi multilateral ke atas kadar DIA di Malaysia, kajian ini memfokuskan kepada tiga kuasa besar dunia iaitu institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN. Ketiga-tiga institusi geopolitik ini dipilih kerana firma-firma awam di Malaysia banyak meletakkan segmentasi mereka di negara-negara tersebut (Yusoff et al. 2016a). Merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti Gnanon (2017), Saad et al. (2014) dan Yean et al. (2017), kajian ini juga menggunakan kaedah yang sama iaitu aliran keluar FDI sebagai proksi kepada DIA negara.

Selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Reynaud & Vauday (2009), Armijo, Mühlich & Tirone (2014) dan Yusoff, Salleh, Ahmad dan Basnan (2016b), kajian ini menggunakan kuasa ketenteraan dan kuasa lembut sebagai proksi kepada kesan geopolitik institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN. Kuasa ketenteraan merupakan kaedah tradisional yang digunakan oleh kebanyakan penyelidik lepas dalam mengukur kesan geopolitik. Kajian ini menggunakan jumlah perbelanjaan ketenteraan sebagai proksi kepada kuasa ketenteraan yang dimiliki oleh institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN. Data diperoleh daripada WDI bagi tahun 1998-2015 dan berdasarkan kepada purata wajaran mengikut negara-negara yang tersenarai di bawah G7, BRICS dan ASEAN. Manakala Kuasa lembut adalah merujuk kepada kuasa sumber. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Nye (1990) dalam mengukur kuasa lembut. Nye (1990) mendefinisikan kuasa lembut sebagai keupayaan sesebuah negara untuk memujuk negara lain mengikut perintah dan keinginannya dengan menawarkan sumber-sumber negara yang ada. Selaras dengan kajian lepas, kajian ini mengguna pakai beberapa Indeks sebagai asas kepada pengukuran kuasa lembut seperti di Jadual 1. Berdasarkan Indeks tersebut, kuasa lembut dikira seperti berikut:

$$KL_t = S_t + P_t + T_t + \varepsilon_t \quad (1)$$

Di mana,  $t$  adalah tahun dan  $\varepsilon$  adalah ralat.  $S$  adalah sumber asli,  $P$  adalah saiz populasi dan  $T$  adalah kapasiti teknologi. Kajian ini menggunakan 'Principle Component Analysis' untuk mendapatkan nilai purata yang lebih tepat bagi parameter yang berbeza. Kajian ini juga menggunakan aliran masuk FDI, GDP dan indeks keberkesanan kadar tukaran sebenar (Real effective exchange rate index, REER) sebagai pemboleh ubah kawalan. Kebanyakan kajian lepas telah membuktikan bahawa FDI, GDP dan REER mempunyai hubungan positif

dengan aliran DIA di negara-negara membangun seperti Malaysia (Gnangnon 2017; Goh & Tham 2013; Saad et al. 2014). Bagi mengukur secara empirikal kesan geopolitik institusi multilateral terhadap aliran DIA di Malaysia, kajian ini mengemukakan asas model seperti berikut:

$$\text{Log(DIA)}_t = \alpha + M_t + KL_t + \text{Log(INFDI)}_t + \text{Log(GDP)}_t + \text{REER}_t + \varepsilon_t \quad (2)$$

Di mana,  $t$  adalah tahun dan  $\varepsilon$  adalah ralat. Definisi dan sumber dapatan untuk setiap pemboleh ubah dalam model 1 dan 2 telah diterangkan dalam Jadual 1.

## DAPATAN KAJIAN

### RINGKASAN STATISTIK DESKRIPTIF

Jadual 2 menerangkan ringkasan statistik deskripsi kesan geopolitik institusi multilateral, yang terdiri daripada institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN ke atas

kadar DIA di Malaysia. Berdasarkan Jadual 2,  $\text{log(DIA)}$  di Malaysia secara puratanya adalah 3.657 dengan nilai minimum adalah 2.426 dan maksimum adalah 4.234. Merujuk kepada kesan geopolitik institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN pula, kuasa ketenteraan BRICS adalah lebih tinggi berbanding G7 dan ASEAN. Ini mungkin kerana Rusia, iaitu sebahagian daripada ahli keanggotaan BRICS merupakan salah sebuah negara yang menguasai kuasa ketenteraan dunia (Salehi et al. 2014). Merujuk kepada kuasa sumber, institusi multilateral G7 memiliki kuasa sumber yang lebih tinggi iaitu secara puratanya 26.351 berbanding BRICS (21.386) dan ASEAN (5.710). Walaupun kebanyakan kajian membuktikan bahawa negara-negara keanggotaan BRICS dan ASEAN yang mempunyai kapasiti penduduk yang tinggi, mampu menawarkan kos buruh yang lebih rendah berbanding negara-negara keanggotaan G7, tetapi kelebihan simpanan sumber minyak dan teknologi yang tinggi yang dimiliki oleh Kanada dan Amerika Syarikat mungkin dapat meningkatkan kuasa sumber G7 berbanding BRICS dan ASEAN.

JADUAL 1. Definisi pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Demensi	Parameter	Indeks	Artikel / Sumber
DIA	Aliran keluar pelaburan langsung asing Malaysia ke luar negara	USD juta		Pangkalan data UNCTAD <a href="http://UNCTADstat.UNCTAD.org/wds/TableViewer/downloadPrompt.aspx">http://UNCTADstat.UNCTAD.org/wds/TableViewer/downloadPrompt.aspx</a>
Kuasa ketenteraan (M)	Jumlah perbelanjaan ketenteraan	(% GDP)		(Armijo et al., 2014; Reynaud & Vauday, 2009; Venier, 2004; Virmani, 2006)
Sumber Tenaga (S)	Rizab minyak terbukti Rizab gas asli terbukti	(Nilai integer) Ribu juta tong (Nilai integer) Trillion meterpadu	Oil & Gaz Journal BP Statistical Review	(Armijo et al., 2014; Reynaud & Vauday, 2009)
Saiz Populasi (P)	Kepadatan populasi	(nilai integer) Orang per keluasan tanah kilometer persegi)	Indeks Keupayaan Kontemporari (CCI) dan Indeks Kuasa Komposit Nasional (CNP)	(Armijo et al., 2014; Reynaud & Vauday, 2009; Teixeira & DIAs, 2013)
Kapasiti teknologi (T)	Perbelanjaan R&D	% GDP	(CNP)	(Armijo et al., 2014; Teixeira & DIAs, 2013)

JADUAL 2. Analisis Deskriptif

Pemboleh ubah	Pemerhatian	Purata	Std. Dev.	Min	Max
Log(DIA)	18	3.657	0.540	2.426	4.234
M-G7	18	1.924	0.112	1.675	2.153
KL-G7	18	26.351	3.271	13.521	28.796
M-BRICS	18	2.236	0.130	2.065	2.496
KL-BRICS	18	21.386	0.974	20.323	23.035
M-ASEAN	18	1.955	0.112	1.675	2.153
KL-ASEAN	18	5.710	0.428	5.186	6.759
Log(FDI)	18	3.341	1.330	0.057	5.074
LOG(GDP)	18	11.338	0.114	11.148	11.518
REER	18	97.124	3.332	91.869	101.793

### UJIAN DIAGNOSTIK DAN UNIT ROOT

Sebelum diteruskan dengan analisis empirikal model regresi, kajian ini menjalankan beberapa ujian Diagnostik seperti di Jadual 3. Secara spesifik, Model 1 mewakili hubungan kesan geopolitik institusi multilateral ASEAN terhadap aliran DIA di Malaysia. Model 2 mewakili hubungan kesan geopolitik institusi multilateral BRICS terhadap aliran DIA di Malaysia dan Model 3 mewakili hubungan kesan geopolitik institusi multilateral G7 terhadap aliran DIA di Malaysia. Berdasarkan ujian Diagnostik yang dijalankan, kebarangkalian 'normality' dan 'specification' menunjukkan bahawa model telah ditentukan dengan betul dan tiada taburan yang bergerak jauh daripada garis lurus. Ujian 'heteroscedasticity' dan 'auto-correlation' pula menunjukkan bahawa tiada masalah 'heteroscedasticity' dan 'auto-correlation' yang dijumpai. Seterusnya ujian 'multicollinearity' menunjukkan bahawa nilai VIF adalah kurang daripada 10. Ini menunjukkan bahawa masalah 'multicollinearity' adalah tidak wujud.

Seterusnya, ujian unit root dengan menggunakan Augmented Dickey-Fuller (ADF) telah dijalankan bagi mengetahui sama ada masalah tidak 'stationary' masih wujud atau tidak. Keputusan ujian di Jadual 4

menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah, kecuali mg7 adalah bebas daripada masalah 'stationary' pada perbezaan pertama. (*1st Difference*).

### KEPUTUSAN ANALISIS REGRESI

Jadual 5 menerangkan tentang hubungan kesan geopolitik institusi multilateral terhadap kadar DIA di Malaysia. Merujuk kepada Model 1, 2 dan 3, kuasa ketenteraan institusi multilateral ASEAN, BRICS dan G7 tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar DIA di Malaysia. Walau bagaimanapun, kuasa lembut institusi multilateral BRICS dan G7, kecuali ASEAN, berhubung secara negatif dengan kadar DIA di Malaysia pada nilai koefisien masing-masing adalah  $-0.283$ , ( $p < 0.05$ ) dan  $-1.298$ , ( $p < 0.01$ ). Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi kuasa geopolitik BRICS dan G7, semakin rendah kadar DIA yang boleh dibawa masuk ke Malaysia. Selaras dengan kajian-kajian lepas, pemboleh ubah kawalan iaitu aliran keluar FDI dan GDP negara mempunyai hubungan positif dengan kadar DIA di Malaysia. Manakala REER tidak menunjukkan sebarang hubungan. Secara keseluruhannya  $H_1$  diterima dengan kesan signifikan

JADUAL 3. Ujian Diagnostik

Masalah	Ujian Statistiks		Model 1	Model 2	Model 3	Kesimpulan
Normality	Jarque-Bera	chi2(1)	1.092	4.605	1.523	Taburan normal
		Kebarangkalian	0.579	0.199	0.466	
Specification	Ramsey RESET	chi2(1)	0.05	0.77	0.285	Spesifikasi tepat
		Kebarangkalian	0.816	0.117	0.598	
Heteroskedasticity	Breusch-Pagan-Godfrey	chi2(1)	3.6	2.29	0.553	Tiada masalah 'heteroskedasticity'
		Kebarangkalian	0.1576	0.130	0.457	
Auto-correlation	Breusch-Godfrey LM Test	chi2(1)	0.129	0.003	0.313	Tiada masalah auto-korelasi
		Kebarangkalian	0.7196	0.953	0.575	
Multicollinearity	VIF	mean VIF	2.75	4.62	1.77	Tiada masalah 'multicollinearity'

JADUAL 4. Ujian unit root dengan menggunakan Augmented Dickey-Fuller (ADF)

Pemboleh ubah	<i>intercept</i>		<i>trend &amp; intercept</i>	
	<i>Level</i>	<i>1st Difference</i>	<i>Level</i>	<i>1st Difference</i>
logDIA	-3.584 **	-4.88 *	-3.58 **	-5.119 *
mg7	0.104	-2.78	0.105	-2.68
klg7	-3.902 *	-6.637 *	-3.9 *	-8.087 *
mBRICS	-1.985	-3.758 **	-1.99	-7.215 *
klBRICS	0.038	-5.714 *	0.037	-5.962 *
mASEAN	-2.433	-18.87 *	-2.43	-9.452 *
klASEAN	-0.708	-5.122 *	-0.71	-6.167 *
logFDI	-5.374 *	-4.12 *	-5.37 *	-8.118 *
logGDP	0.347	-5.694 *	0.346	-6.167 *
REER	-2.64	-3.748 **	-2.64	-5.411 *

Nota: \*, \*\* dan \*\*\* masing-masing mewakili nilai signifikan pada 1%, 5% dan 10%

JADUAL 5. Hubungan kesan geopolitik institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN ke atas kadar DIA negara

Log(DIA)	Model 1 - ASEAN	Model 2 - BRICS	Model 3 - G7
	$\beta$ ( <i>t</i> -statistik)	$\beta$ ( <i>t</i> -statistik)	$\beta$ ( <i>t</i> -statistik)
M-ASEAN	-0.206 (-0.99)		
KL-ASEAN	0.082 (1.08)		
M-BRICS		0.484 (0.60)	
KL-BRICS		-0.283 (-2.24)**	
M-G7			0.018 (0.14)
KL-G7			-1.298 (-3.05)*
Log(INFDI)	0.091 (2.09)***	0.771 (1.92)***	0.117 (3.29)*
Log(GDP)	3.268 (4.28)*	6.540 (5.42)*	4.352 (3.97)*
REER	0.002 (0.13)	0.006 (0.38)	0.002 (0.17)
Pemalar	-33.526 (-3.75)*	-65.660 (-5.16)*	-48.874 (-3.64)*
F	0.001	0.000	0.000
R <sup>2</sup>	0.8654	0.8901	0.9119
Adj. R <sup>2</sup>	0.8093	0.8443	0.8751
Pemerhatian	18	18	18

Nota: \*, \*\* dan \*\*\* masing-masing mewakili nilai signifikan pada 1%, 5% dan 10%

yang tinggi; iaitu di antara 5% dan 1%. Manakala  $H_{1b}$  diterima bagi kesan lembut BRICS dan G7 ke atas kadar DIA di Malaysia.

Dari segi kejitian model, ia dapat dilihat melalui nilai  $R^2$  dan nilai F. Nilai  $R^2$  yang tinggi iaitu 86% - 91% menunjukkan kekuatan pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas dalam menerangkan pergerakan aliran DIA di Malaysia. F-statistik juga sangat signifikan dan dengan ini meniadakan hipotesis bersama iaitu  $H_0: \beta_0 = \beta_1 + \dots + \beta_n = 0$ .

## DISKUSI DAN PENUTUP

Secara kesimpulannya, kajian ini menganalisis hubungan antara kesan geopolitik institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN terhadap kadar DIA di Malaysia. Berdasarkan kepada keputusan kajian, tiga kesimpulan dapat dibuat. Pertama, kuasa ketenteraan institusi multilateral G7, BRICS dan ASEAN tidak mempengaruhi kadar DIA di Malaysia. Keputusan ini adalah selaras dengan kenyataan Nye (1990) dalam kajiannya bertajuk "Soft Power". Menurut beliau, selepas akhir tahun 1970an, kuasa kekerasan seperti kuasa ketenteraan bukan lagi merupakan kaedah popular yang digunakan oleh kuasa-kuasa besar dunia untuk mempengaruhi ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara. Sebaliknya, kuasa lembut seperti keberadaan sumber teknologi, bahan mentah dan kepadatan penduduk merupakan asas penting sesebuah negara dalam memujuk institusi lain untuk mengikut kehendak politik, ekonomi dan sosial mereka.

Kedua, kajian ini membuktikan bahawa kuasa lembut BRICS dan G7 berhubung dengan kadar DIA di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa, dengan kekuasaan sumber yang ada, BRICS dan G7 mampu menyekat firma MNC di Malaysia

untuk menembusi pasaran negara-negara tersebut atau dengan kata lain, firma-firma MNC di Malaysia sukar untuk bersaing dengan firma-firma MNC di BRICS dan G7 kerana mereka memiliki kelebihan sumber yang banyak, hasil daripada perkongsian sumber antara negara anggota.

Ketiga, walaupun kuasa lembut ASEAN tidak menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi nilai koefisien adalah positif. Oleh itu, dicadangkan kepada MIDA dan sekretariat ASEAN untuk mempertingkatkan lagi hubungan multilateral di kalangan ahli-ahli ASEAN agar kekuatan kuasa lembut ASEAN dapat dipertingkatkan lagi dan sekali gus membantu meningkatkan kadar DIA di Malaysia. Selain daripada itu, dicadangkan juga kepada firma MNC di Malaysia untuk mengambil kira kesan geopolitik institusi multilateral, terutamanya kuasa lembut dalam membuat keputusan pelaburan korporat. Keberadaan sumber asli, saiz populasi dan kapasiti teknologi haruslah dijadikan sebagai salah satu faktor penting yang perlu difokuskan untuk merancang strategi segmentasi firma.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbangkan beberapa perkara ke atas literatur ekonomi dan politik. Antaranya adalah pertama, menghubungkan disiplin ilmu geopolitik dan ekonomi sebagai salah satu kajian baru yang perlu diberi penekanan bagi kajian akan datang. Kedua, memperkenalkan elemen institusi multilateral sebagai skop kajian baru yang boleh diterokai dengan lebih luas dan ketiga menyediakan maklumat tambahan kepada MIDA, sekretariat ASEAN dan MNC mengenai faktor penentu kepada kadar DIA di Malaysia dari sudut kesan geopolitik. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai limitasi yang tersendiri, iaitu tidak mengambil kira kadar DIA negara-negara ASEAN sebagai unit analisis dan dibuka kepada kajian akan datang.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiaya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia di bawah skim FRGS 2017-1 dengan kod rujukan FRGS/1/2017/SS01/UNIMAP/03/2.

## RUJUKAN

- Ahmad, R. 2013. Malaysia plays key role in steering ASEAN into an economic community. *The Jakarta Post*, 22 Julai.
- Armijo, L. E., Mühlich, L. & Tirone, D. C. 2014. The systemic financial importance of emerging powers. *Journal of Policy Modeling* 36 Supplement 1(0) S67-S88. doi: doi.org/10.1016/j.jpolmod.2013.10.009.
- Bank Negara Malaysia. 2014. Malaysian Corporate Leverage and its Systemic Implications *Financial Stability and Payment Systems Report 2014*: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2017. Sorotan dan Perangkaan Bulanan Jun 2017.
- Cohen, B. J. 2008. Toward a leaderless currency system. *The Future of the Dollar (New York: Cornell University Press, 2009)*: 142-163.
- Cohen, S. B. 2003. *Geopolitics of the World System*: Lanham: Rowman & Littlefield Publishers.
- Collie, D. R. 2011. Multilateral trade liberalisation, foreign direct investment and the volume of world trade. *Economics Letters* 113(1): 47-49.
- Eichengreen, B. 1989. Hegemonic stability theories of the international monetary system: National Bureau of Economic Research Cambridge, Mass., USA.
- Fels, J. 2016. What is Brexit's Impact on Global Economy? A Pimco analyst assesses the economic fallout over the coming three to five years. *Wall Street's Best Minds, Barron's Asia*.
- Frontier Strategy Group. 2016. Business After Brexit: What MNCs Need to Know. Retrieved from <http://blog.frontierstrategygroup.com/2016/05/business-brex-it-mncs-need-know/>
- Gnangnon, S. K. 2017. Effect of multilateral trade liberalization on foreign direct investment outflows amid structural economic vulnerability in developing countries. *Research in International Business and Finance*. doi: <http://dx.doi.org/10.1016/j.ribaf.2017.07.128>
- Goh, S. K. & Tham, S. Y. 2013. Trade linkages of inward and outward FDI: Evidence from Malaysia. *Economic Modelling* 35: 224-230.
- Kyrkilis, D. & Pantelidis, P. 2003. Macroeconomic determinants of outward foreign direct investment. *International Journal of Social Economics* 30(7): 827-836.
- Mun, H. W., Long, B. S., Lin, T. K. & Man, Y. K. 2008. FDI and Economic Growth Relationship: An Empirical Study on Malaysia. *International Business Research* 1(2): 11-18.
- Nielsen, B. B., Asmussen, C. G. & Weatherall, C. D. 2017. The location choice of foreign direct investments: Empirical evidence and methodological challenges. *Journal of World Business* 52: 62-82.
- Nye, J. S. 1990. Soft power. *Foreign policy* : 153-171.
- Ramasamy, B. 1999. Third world multinationals: The case of Malaysia. *Analisis* 6(1&2): 123-137.
- Reynaud, J. & Vauday, J. 2009. Geopolitics and international organizations: An empirical study on IMF facilities. *Journal of Development Economics* 89(1): 139-162. doi: <http://dx.doi.org/10.1016/j.jdeveco.2008.07.005>
- Saad, R. M., Noor, A. H. M. & Nor, A. H. S. M. 2014 . Developing Countries' Outward Investment: Push Factors for Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 130: 237-246. doi: <http://dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.028>
- Safran, N. A. A. & Jamali, H. H. 2015. Malaysia's Outward Foreign Affiliates Statistics. *Journal of The Department of Statistics, Malaysia*, 1.
- Salehi, H., Ranjbari, M., Dehghan, S. M. & Fard, Z. P. 2014. Foreign-Currency and Monetary Geopolitics of United States and Its Effects on the Future of the International System. *Journal of Economics and Sustainable Development* 5(8): 96-104.
- Saravanamuttu, J. 2012. Malaysia in the New Geopolitics of Southeast Asia. *LSE IDEAS, London, United Kingdom*.
- Seman, A. A., Hussin, N. & Iqbal, U. 2014. *Sejarah Perkembangan Pelaburan Asing Dalam Pembentukan Ekonomi Malaysia: Zaman Kolonial-Pasca Merdeka*: BookRix.
- Shuhaimen, M. S. & Han, L. M. 2016. Manfaat Pelaburan ke Luar Negeri: Menilai Pulangan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri *Laporan Tahunan 2016*: Bank Nagara Malaysia.
- Teixeira, A. A. C. & DIAS, M. 2013. The importance of geopolitics in firms' international location decisions: The Polish case. *Communist and Post-Communist Studies* 46(1): 79-93. doi: doi.org/10.1016/j.postcomstud.2012.12.006.
- Tolentino, P. E. 2010. Home country macroeconomic factors and outward FDI of China and INDIA. *Journal of International Management* 16(2): 102-120.
- UNCTAD. 2014. *World Investment Report 2014: FDI from Developing and Transition Economies: Implications for Development*. Geneva: UNCTAD.
- UNCTAD. 2016. *The Trade and the Environment Review*. 2016. Fish Trade: United Nations Publication.
- Venier, P. 2004. The geographical pivot of history and early twentieth century geopolitical culture. *The Geographical Journal* 170(4): 330-336. doi: 10.2307/3451462
- Virmani, A. 2006. World Economy, Geopolitics and Global Strategy: Indo-US Relations in the 21st Century. *Economic and Political Weekly*: 4601-4612.
- Woodford. 2016. The economic impact of 'Brexit'. A report by Capital Economics for Woodford Investment Management: Woodford Investment Management LLP.
- Yan, L. S. 2013. Malaysia Emerges as ASEAN'S Multinational Marketplace In A. P. R. IMKL (Ed.): Bursa Malaysia.
- Yean, T. S., Khoo, G. S., Nyen, W. K. & Fadhli, A. 2017. *Bilateral Export Trade, Outward and Inward FDI: A Dynamic Gravity Model Approach Using Sectoral Data from Malaysia*. Bank Negara Malaysia Working Papers WP9/2017.
- Yusoff, W. S., Salleh, M. F. M., Ahmad, A. & Basnan, N. 2016a. Financial Hegemony, Diversification Strategies and the Firm Value of Top 30 FTSE Companies in Malaysia. *Asian Social Science* 12(3): 14.
- Yusoff, W. S., Salleh, M. F. M., Ahmad, A. & Basnan, N. 2016b. The geopolitics of ASEAN cooperation and firm value: Evidence from multinational corporation in Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2(2): 85-98.



Mohd Fairuz Md. Salleh\*  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
MALAYSIA  
E-mail : fairuz@ukm.edu.my

Wan Sallha Yusoff  
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan  
Universiti Malaysia Perlis  
Jalan Kangar-Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis  
MALAYSIA  
E-mail : wansallha@unimap.edu.my

\*Corresponding author